PENDAKWA RAYA

lwn.

CHUAH CHEE PHE & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
FAIZA THAMBY CHIK H
[PERBICARAAN JENAYAH NO.58-31-87]
16 OKTOBER 1990

PROSEDUR JENAYAH: *Mengedar dadah berbahaya - Pernyataan beramaran - Kebolehpercayaan dicabar - Kerelaan - Perbicaraan dalam perbicaraan - Tertuduh digari semasa perakaman pernyataan beramaran - Pendekatan fizikal - Jagaan atau kawalan - Pengetahuan - Akta Dadah berbahaya 1952, s. 37(d)*

Kedua tertuduh, C & K, telah didakwa atas tuduhan mengedar dadah berbahaya heroin di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut). Pihak polis telah serang hendap sebuah kereta dan menangkap K, pemandu kereta dan C yang duduk sebelah K. Bungkusan yang dirampas dari hujung kaki kanan C telah mengandungi heroin.

Apabila pihak Pendakwa Raya S memeriksa balas C, S telah memohon untuk mencabar kebolehpercayaan C atas alasan bahawa keterangan C di Mahkamah bertentangan secara material dengan pernyataan beramarannya yang dirakam oleh Insp. Leong Ah Kow. Peguam C telah membantah kebolehpenerimaannya oleh sebab pernyataan beramaran tersebut telah diperolehi tanpa sukarela dan dirakamkan tanpa kehendak hati C. Sesuatu perbicaran di dalam perbicaraan telah dilaksanakan dan Insp. Leong Ah Kow, SP1 dan SP7 dipanggil oleh pihak Pendakwa Raya. Insp. Leong Ah Kow mengakui bahawa C telah digari tangannya di sepanjang perakaman pernyataan beramarannya. Kes pihak pendakwa bergantung kepada kedekatan fizikal C dan K dengan heroin untuk membuktikan milikan.

C berkata bahawa apabila kereta tiba-tiba berhenti kerana K menekan brek, tumit kaki C tersentuh satu benda dan C membongkok dan nampak suatu benda tetapi oleh kerana kegelapan dan keadaan diserang hendap polis, C tidak tengok benda itu dengan jelas.

K menyatakan bahawa dia telah meminjam kereta kawannya dan dia tidak nampak dan tidak tahu akan kehadiran bungkusan tersebut.

Diputuskan:

[1] (a) Walau apa pun sebabnya, menggari tangan seseorang tertuduh adalah satu bentuk penahanan atau pengekangan diri dan hendaklah dianggap satu penindasan atau penganiayaan (oppression) yang membuat perasaan tertuduh tersebut tertekan atau tertindas;

(b) Seseorang tertuduh hendaklah berasa bebas dengan sepenuhnya daripada sebarang bentuk penindasan atau penganiayaan semasa membuat pernyataan beramaran dan sekali-kali tidak boleh dikenakan apa-apa yang membuatkan beliau berfikir bahawa beliau adalah di bawah sesuatu bentuk penahanan atau penindasan.

[2] (a) Mengikut pengertian “menggari” dan “gari” di Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, Edisi Baru 1989, dapatlah dikatakan bahawa seseorang yang digari adalah seseorang yang tersekat atau terkongkong kebebasannya untuk melakukan sesuatu. Dan seseorang yang terkongkong kebebasannya adalah seseorang yang melakukan sesuatu dengan paksaan, bukan dengan rela hati iaitu bukan dengan sukarela dan bukan dengan kehendak hatinya sendiri;

(b) Adalah satu ejekan atau olok-olokan sahaja jika dikatakan bahawa seseorang yang digari masih lagi bebas dan rela dalam erti kata yang sebenarnya oleh sebab hendaklah diingati bahawa keadilan bukan sahaja mesti dilakukan, tetapi hendaklah juga ianya nyata dilakukan.

[3] (a) Keterangan Insp. Leong Ah Kow mengenai alasan untuk menggari C bertentangan dengan keterangan EW3; oleh yang demikian dapat diperhatikan bahawa Insp. Leong Ah Kow tidak memberikan gambaran yang betul mengenai kedudukan di bilik di tingkat 6 tersebut dan telah memberikan keterangan yang tidak jujur dalam perkara ini;

(b) Ini menguatkan lagi bahawa tangan tertuduh pertama tidak perlu digari oleh sebab perakaman pernyataan beramarannya boleh dibuat di bilik yang dikhaskan untuk menemuduga 'suspect' seperti yang dinyatakan oleh EW3 dan keselamatan bilik tersebut boleh di jamin dengan meletakkan detektif di luar bilik tersebut;

(c) Kes *prima facie* mengenai sifat kesukarelaan pernyataan beramaran tertuduh pertama itu tidak dibuktikan dan oleh itu pernyataan beramaran tertuduh pertama tidak boleh diterima.

[4] (a) Tidak ada keterangan dalam kes ini yang menunjukkan tertuduh yang mana di antara dua orang itu mempunyai jagaan (custody) bungkusan yang berisi heroin yang dijumpai di atas lantai di tempat duduk hadapan kereta tersebut atau bungkusan tersebut adalah di bawah kawalannya (under the control) atau adakah kedua-dua orang yang tertuduh itu mempunyai jagaan bungkusan tersebut atau bungkusan tersebut di bawah kawalan mereka berdua;

(b) Ungkapan yang kritis (critical) s.37(d) ialah "any person who is found to have had in his custody or under his control " jagaan (custody) atau kawalan (control) itu hendaklah dibuktikan secara nyata (factual) dan langsung (direct);

[5] Keterangan kedekatan fizikal C dan K adalah jauh sekali daripada membuktikan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripadanya ada mempunyai jagaan bungkusan tersebut atau bungkusan tersebut dalam mana heroin tersebut dijumpai, adalah di bawah kawalannya, belum termasuk lagi hakikat bahawa keterangan tersebut amat jauh sekali daripada membuktikan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripadanya memiliki heroin tersebut.

[6] (a) Untuk menunjukkan bahawa sesuatu barang salah itu berada di dalam jagaan atau di bawah kawalan seseorang tertuduh ia memerlukan unsur pengetahuan;

(b) Tanpa pemilikan fizikal mengenai bungkusan heroin tersebut, inferens pengetahuan mengenainya hendaklah ditafsirkan dengan betul daripada keterangan yang dikemukakan;

(c) Di dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal membuktikan secara sah bahawa bungkusan heroin tersebut berada dalam milikan fizikal kedua-dua orang tertuduh atau dalam milikan salah seorang daripadanya.

Kes-kes yang dirujuk:
PP v. Wong Yee Sen & Ors [1990] 2 CLJ (Rep) 902
PP v. Foo Jua Eng [1966] MLJ 197
R. v. Abbott [1955] 2 All ER 899
Tong Peng Hong v. Public Prosecutor [1955] 21 MLJ 232
Ong Chong Hin v. Regina [1959] 25 MLJ 96
The Queen v. Woodrow 16 LJMC 122
Chiah Tian v. Rex [1937] MLJ Rep 99

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 37(d), 39B(1)(a), (2)

Sumber lain yang dirujuk:
Kamus Dewan (Bahasa dan Pustaka) Edisi Baru [1989]

Bagi pihak YT pertama - Mohd. Shaffee Abdullah; T/n. Shaffee & Co.
Bagi pihak YT kedua - Collin L. Sequerah; T/n. Collin Sequerah & Co.
Bagi pihak Pendakwa Raya - Shamsul bin Sulaiman, Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Faiza Thamby Chik H:

Kedua-dua orang tertuduh telah didakwa atas pertuduhan pindaan yang berbunyi:

> Bahawa kamu bersesama pada 26 Februari 1986 jam kira-kira 9.30 malam di Jalan 68, Kepong Baru, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, di dalam Wilayah Persekutuan telah mengedar dadah berbahaya, iaitu heroin berjumlah berat 55.59 gram dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak 1980) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

Inti kes pihak pendakwa adalah pada kira-kira pukul 9.30 malam pada 26 Februari 1986 PPP Mohd. Yusof bin Mohd. (SP3) telah mengetuai sepasukan polis dalam tiga buah kereta dan membuat suatu serang hendap di Jalan 68, Kepong Baru, Kuala Lumpur selepas menerima satu maklumat yang berkaitan dengan pengedaran dadah di rumah No. 27, Jalan 68, Kepong Baru, Kuala Lumpur dengan menggunakan sebuah kereta bernombor pendaftaran BCJ 6870 (P8). Dalam serang hendap tersebut (SP3) telah berjaya menghalang kereta bernombor pendaftaran BCJ 6870 tersebut dari hadapan dan Insp. Roslan b. Mohd. (SP1) telah berjaya menghalangnya dari belakang di antara rumah nombor satu dan rumah nombor 45 di Jalan 68, Kepong Baru dan D/Kpl. 52228 Mustafa Kamal telah berjaya menangkap tertuduh kedua yang memandu kereta BCJ 6870 tersebut sementara (SP1) telah berjaya menangkap tertuduh pertama yang duduk bersebelahan tertuduh kedua di tempat duduk hadapan kereta BCJ 6870 tersebut. Pada masa yang sama (SP1) telah merampas satu bungkusan yang terletak betul-betul di hujung kaki kanan tertuduh pertama. Bungkusan tersebut telah dihantar ke Jabatan Kimia Petaling Jaya pada 1 Mac 1986 untuk dianalisis oleh ahli kimia Kee Sue Sing (SP5) yang memeriksa bungkusan tersebut dan mendapati di dalamnya berisi 228.03 gram (bersih) benda berbiji/serbuk berwarna merah jambu yang setelah dianalisisnya, didapati mengandungi 55.59 gram heroin iaitu benda yang di daftarkan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 dan heroin berjumlah berat 55.59 gram tersebut telah dijadikan hal perkara tuduhan pindaan yang dikenakan terhadap kedua-dua orang tertuduh dalam kes ini.

Semasa menjalankan pemeriksaan balas ke atas tertuduh pertama, Encik Shamsul Sulaiman, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah memohon untuk mencabar kebolehpercayaan tertuduh pertama yang dikatakannya telah memberikan keterangan di Mahkamah yang bertentangan secara material dengan apa yang dikatakannya di dalam pernyataan beramarannya yang dirakam oleh pegawai perakam Insp. Leong Ah Kow Prosedur untuk mengemukakan pernyataan beramaran seseorang tertuduh di peringkat pembelaan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya setelah pihak pendakwa menutup kesnya tanpa menjadikan pernyataan beramaran tersebut sebagai satu keterangan pihak pendakwa telah saya bincangkan secara terperinci dalam kes saya *Public Prosecutor v. Wong Yee Sen & Ors.* [1990] 2 CLJ (Rep) 902. Saya telah meneliti bahagian pernyataan beramaran tertuduh pertama yang dikatakan bertentangan, dan ditandakan dengan warna kuning 4 perkara percanggahan oleh Timbalan

Pendakwa Raya yang bijaksana itu dan memutuskan bahawa ada terdapat percanggahan material di dalamnya. Encik Shafee Abdullah, peguambela yang bijaksana bagi pihak tertuduh pertama, telah membantah keboleh-penerimaannya oleh sebab pernyataan beramaran tersebut telah diperolehi tanpa sukarela dan dirakamkan bukan dengan kehendak hati tertuduh pertama sendiri. Oleh hal yang demikian saya telah memerintahkan satu perbicaraan di dalam satu perbicaraan atau *"voir dire"* diadakan untuk menentukan sifat kesukarelaan pernyataan beramaran tersebut.

Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah memanggil pegawai perakam pernyataan beramaran tersebut Insp. Leong Ah Kow diikuti oleh pegawai penyiasatan Insp. Raja Khalid b. Mohd. (SP7) dan Insp. Roslan Mohd. (SP1), salah seorang anggota yang menjalankan serang hendap tersebut, sebelum menutup kesnya.

Dalam satu perbicaraan di dalam satu perbicaraan itu apa yang mesti saya putuskan di akhir kes pendakwa adalah suatu persoalan undang-undang sahaja. Persoalannya di peringkat *prima facie* adalah sama ada, ada beberapa keterangan yang menunjukkan bahawa pernyataan beramaran tersebut dibuat dengan rela hati.

Dalam satu perbicaraan di dalam satu perbicaraan itu satu perkara sahaja yang hendak diputuskan oleh Mahkamah iaitu isu kesukarelaan pernyataan beramaran tertuduh pertama. Dapat diperhatikan di sini bahawa pegawai perakam *Insp. Leong Ah Kow* mengakui dan mengesahkan bahawa tertuduh pertama telah digari tangannya di sepanjang perakaman pernyataan beramarannya. Biarlah terang-terang saya nyatakan di sini walauapapun sebabnya menggari tangan seseorang tertuduh adalah satu bentuk penahanan atau pengekangan diri dan hendaklah dianggap satu penindasan atau penganiayaan (oppression) yang membuat perasaan tertuduh tersebut tertekan atau tertindas. Seseorang tertuduh hendaklah berasa bebas dengan sepenuhnya daripada sebarang bentuk penindasan atau penganiayaan semasa membuat pernyataan beramaran dan sekali-kali tidak boleh dikenakan apa-apa yang membuatkan beliau berfikir bahawa beliau adalah di bawah sesuatu bentuk penahanan atau penindasan.

Kamus Dewan (Bahasa dan Pustaka) Edisi Baru [1989] mentakrifkan perkataan "menggari" sebagai membelenggu dengan gari dan perkataan "gari" bererti gelang daripada besi untuk mengikat tangan (penjahat dan lain-lain) sementara perkataan "membelenggu" bererti menyekat atau menghalang. Daripada pengertian yang disebutkan di atas, dapatlah dikatakan bahawa seseorang yang digari adalah seseorang yang tersekat atau terkongkong kebebasannya untuk melakukan sesuatu. Dan seseorang yang terkongkong kebebasannya adalah seseorang yang melakukan sesuatu dengan paksaan, bukan dengan rela hati iaitu bukan dengan sukarela dan bukan dengan kehendak hatinya sendiri. Tidaklah keterlaluan jika saya katakan di sini bahawa adalah satu ejekan atau olok-olokan sahaja jika dikatakan bahawa seseorang yang digari masih lagi bebas dan rela dalam erti kata yang sebenarnya oleh sebab hendaklah diingati bahawa keadilan bukan sahaja mesti dilakukan, tetapi hendaklah juga ianya nyata dilakukan.

Seperkara lagi dalam keterangannya *Insp. Leong Ah Kow*, pegawai perakam pernyataan beramaran tertuduh pertama, menyatakan bahawa tangan tertuduh tersebut digari pada sepanjang masa perakaman oleh sebab:

(1) Pejabat saya dikongsi dengan lain-lain orang di mana orang ramai boleh keluar masuk. Dengan menggari boleh mengawal dia daripada lari semasa rakaman.

(2) Pejabat itu berada di tingkat 6, supaya tidak berlaku kemalangan semasa rakaman dibuat. Kemalangan bererti cuba terjun daripada tingkap. Perkara ini pernah berlaku di IPK, Kuala Lumpur.

Tetapi keterangan pegawai perakam itu bertentangan sama sekali dengan keterangan yang dibentangkan oleh Insp. Roslan b. Mohd. (EW3) yang menyatakan bahawa:

> ada bilik-bilik untuk menemuduga 'suspect' di tingkat itu (iaitu di tingkat di mana *Insp. Leong Ah Kow* mempunyai pejabat juga di tingkat tersebut).

Seterusnya *EW 3* memberitahu:

> Ya, benar boleh meletakkan detektif di luar bilik-bilik itu semasa soalsiasat 'suspect' dan keselamatannya terjamin. Ini perkara biasa dilakukan.

Oleh yang demikian dapat diperhatikan bahawa *Insp. Leong Ah Kow* tidak memberikan gambaran yang betul mengenai kedudukan di bilik di tingkat 6 tersebut dan telah memberikan keterangan yang tidak jujur dalam perkara ini.

Ini menguatkan lagi bahawa tangan tertuduh pertama tidak perlu digari oleh sebab perakaman pernyataan beramarannya boleh dibuat di bilik yang dikhaskan untuk menemuduga 'suspect' seperti yang dinyatakan oleh *EW 3* dan keselamatan bilik tersebut boleh dijamin dengan meletakkan detektif di luar bilik tersebut.

Dengan sebab-sebab yang saya sebutkan di atas, saya memutuskan bahawa kes *prima facie* mengenai sifat kesukarelaan pernyataan beramaran tertuduh pertama itu tidak dibuktikan dan oleh itu pernyataan beramaran tertuduh pertama tidak boleh diterima.

Di dalam kes ini pihak pendakwa bergantung kepada kedekatan fizikal kedua-dua orang tertuduh dengan heroin yang menjadi hal perkara tuduhan untuk membuktikan milikan. Dan untuk menyokong pendapat ini, Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana itu telah mengemukakan kes *Public Prosecutor v. Foo Jua Eng* [1966] 1 MLJ 197 di mana DYMM Sultan Azlan Shah (pada masa itu Baginda adalah seorang Hakim) berkata:

> With regard to the mental element, the learned magistrate rightly directed his mind that knowledge or consciousness would depend on the surrounding circumstances. However, he failed to direct his mind adequately on the facts. He directed his mind to the circumstance when the respondent tried to close the door on PW1. But he failed to consider the other circumstance which, taken together, may well be that the element of possesion was proved. That circumstance is the physical proximity of the exhibit in question.

Di dalam kes tersebut pihak polis telah menemui pihak responden di dalam sebuah bilik kira-kira tiga kaki jaraknya daripada sebuah meja berhias di mana di atasnya terletak barang kes tersebut.

Ada kelainan kes tersebut dengan kes ini. Dalam kes ini terdapat dua orang tertuduh di dalam sebuah kereta yang bernombor pendaftaran BCJ 6870 (P8), dan tidak ada keterangan dalam kes ini yang menunjukkan tertuduh yang mana di antara dua orang itu mempunyai jagaan (custody) bungkusan yang berisi heroin yang dijumpai di atas lantai di tempat duduk hadapan kereta tersebut atau bungkusan tersebut adalah di bawah kawalannya (under the control) atau adakah kedua-dua orang yang tertuduh itu mempunyai jagaan bungkusan tersebut atau bungkusan tersebut di bawah kawalan mereka berdua. Lord Goddard, C.J dalam kes *R. v. Abbot* [1955] 2 All ER 899 CCA di halaman 901 berkata:

> I think what possibly led the learned Judge to act as he did when he was of opinion that there was no evidence against this appellant was that he had got into his mind that the jury could not say in this particular case:
>
> > We find a verdict of not guilty against both because we are not satisfied which was guilty, if one of them was.

> With great respect to the learned Judge, that is not the law. If two people are jointly indicted for the commission of a crime and the evidence does not point to one rather than the other, and there is no evidence that they were acting in concert, the jury ought to return a verdict of not guilty against both because the prosecution have not proved the case.

Di mana tidak ada keterangan membuktikan milikan, pihak pendakwa hendaklah membuktikan bahawa seseorang tertuduh itu ada di dalam jagaannya atau ada di bawah kawalannya bungkusan berisi dadah itu sebelum tertuduh dianggap, melainkan sebaliknya dibuktikan, memiliki dadah itu dan mengetahui sifat kandungannya. Oleh itu jagaan atau kawalan mestilah dibuktikan sebagai satu fakta dan jagaan atau kawalan itu mestilah timbul daripada perkaitan seseorang tertuduh itu dengan bungkusan berisi dadah tersebut. Seksyen 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 menggunakan ungkapan, "anything whatsoever containing any dangerous drug" dan heroin berjumlah berat 55.59 gram itu didapati terkandung di dalam bungkusan yang dijumpai di atas lantai di tempat duduk hadapan kereta yang dipandu oleh tertuduh kedua. Saya bersetuju dengan ujian yang digunakan oleh Thomson J. (pada masa itu beliau seorang hakim) dalam kes *Tong Peng Hong v. Public Prosecutor* [1955] 21 MLJ 232 pada halaman 233 di mana Y.A itu berkata:

> The words "anything whatsoever" by themselves have as wide a meaning as any words can have but that meaning is governed and greatly restricted by the word "containing". A thing containing another thing is not synonymous with a thing in which that other thing is. To take an extreme example, it is not correct to say the earth contains the fly which at the moment is walking up the wall of my Chambers. Both by derivation and by ordinary usage the word "containing" implies some measure of holding or restriction. The jar contains the jam but the cupboard contains the jar. In short, a container is not something in which another thing is. It is something which surrounds or holds another thing so as to prevent that other thing from being elsewhere.

Ungkapan yang kritis (critical) s. 37(d) ialah "any person who is found to have had in his custody or under his control " jagaan (custody) atau kawalan (control) itu hendaklah dibuktikan secara nyata (factual) dan langsung (direct). Sehingga salah satu perkara itu dibuktikan secara nyata dan langsung berdasarkan imbangan yang melampaui keraguan yang munasabah, maka bolehlah dikatakan bahawa pihak pendakwa telah gagal dalam pembuktian kesnya. Sehingga pembuktian itu berlaku dengan nyata dan langsung, maka anggapan milikan dan anggapan bahawa kedua-dua orang tertuduh itu mempunyai pengetahuan mengenai sifat dadah itu (dalam kes ini jenis heroin) tidak boleh timbul dan tidak boleh berlaku.

Akhirnya, keterangan yang hanya "material" terhadap kedua-dua orang tertuduh itu ialah kedekatan fizikal (physical proximity) mereka dengan bungkusan yang berisi heroin yang menjadi hal perkara tuduhan pindaan di dalam kes ini. Keterangan tersebut adalah jauh sekali daripada membuktikan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripadanya ada mempunyai jagaan bungkusan tersebut atau bungkusan tersebut dalam mana heroin tersebut dijumpai, adalah di bawah kawalannya, belum termasuk lagi hakikat bahawa keterangan tersebut amat jauh sekali daripada membuktikan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripadanya memiliki heroin tersebut.

Adalah jelas bahawa keterangan pihak pendakwa tidak menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripadanya mempunyai jagaan bungkusan heroin itu atau bungkusan heroin itu adalah di bawah kawalannya. Dan jagaan atau kawalan mestilah dibuktikan sebagai satu fakta dan ianya mestilah timbul dari perkaitan seseorang dengan barang salah tersebut. Untuk menunjukkan bahawa sesuatu barang salah itu berada di dalam jagaan atau di bawah kawalan seseorang tertuduh ia memerlukan unsur pengetahuan. Tanpa pemilikan fizikal mengenai bungkusan heroin tersebut, inferens pengetahuan mengenainya

hendaklah ditafsirkan dengan betul daripada keterangan yang dikemukakan. Di dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal membuktikan secara sah bahawa bungkusan heroin tersebut berada dalam milikan fizikal kedua-dua orang tertuduh atau dalam milikan salah seorang daripadanya. Keterangan yang ada hanyalah kedekatan fizikal kedua-dua orang tertuduh dengan bungkusan heroin tersebut. Dan kedekatan fizikal itu semata-mata tidaklah cukup untuk dijadikan sebagai keterangan milikan untuk mewajarkan sabitan. Sepatah kata Rose CJ dalam kes *Ong Chong Hin v. Regina* [1959] 25 MLJ 96 halaman 97:

> Although the appellant had the opium needle in his hand the appellant's position was that he was merely fiddling with it - it seems to me that in the absence of any evidence that he was smoking opium (or indeed that there was no opium which he could have smoked) that the mere fact of the appelant's proximity to these articles, in somebody else's hut does not constitute sufficient evidence of possession to justify a conviction.

Dan

> As Pollock C.B. put it in *The Queen v. Woodrow* 16 LJMC 122:
>
> a man can hardly be said to be in possession of anything without knowing it", and I think that a person is not guilty of the offence of possession if he is not aware of the possession. There must be some evidence from which it can reasonably be inferred that the accused knew the general nature of the thing alleged to be in his possession, such as evidence of length of time he had the object, evidence that he was expecting it, evidence of course of business, or any other evidence from which an inference of knowledge of the general nature of the thing can be inferred.

Lihat *Chiah Tian v. Rex* [1937] MLJ Rep. 99 pada halaman 100-101. Tetapi kedekatan fizikal dalam kes ini adalah berbeza sama sekali dengan kedekatan fizikal yang seperti diterangkan oleh DYMM Sultan Azlan Shah (pada masa itu Baginda adalah seorang Hakim) dalam kes *Public Prosecutor v. Foo Jua Eng* [1966] 1 MLJ 197. Dalam kes kita ini, tidak ada secebis keterangan langsung yang menunjukkan bahawa kedua-dua orang tertuduh atau salah seorang daripada mereka nampak atau sedar atau mengetahui bahawa ada bungkusan berisi heroin terletak di atas lantai kereta tersebut di tempat duduk hadapan di sebelah pemandu. Tambahan pula kejadian itu berlaku di waktu malam dan tempat di mana bungkusan mengandungi heroin tersebut terletak adalah gelap dan payah pula dilihat dengan mata melainkan seseorang itu mempunyai pengetahuan mengenai kehadirannya. Hakikat bahawa tempat terletaknya bungkusan berisi heroin itu gelap disokong oleh keterangan saksi pendakwa ketiga iaitu PPP Mohd. Yusof b. Mohd. yang mengetuai pasukan serang hendap tersebut. PPP Mohd. Yusof menyatakan apabila diperiksa balas oleh Encik Shaffee Abdullah, peguambela yang bijaksana bagi pihak tertuduh pertama.

> Ya, kami gunakan 'torchlight' untuk membantu buat pemeriksaan.

Saya menerima penjelasan yang diberikan oleh tertuduh pertama yang menyatakan bahawa pada masa kereta yang dinaikinya tiba-tiba berhenti di Jalan 68, pada masa tertuduh kedua menekan brek kereta tersebut dengan serta-merta, tumit kaki kanannya tersentuh satu benda dan lalu beliau membongkok dan nampak satu benda tetapi disebabkan pada masa yang sama, keadaan di dalam kereta itu gelap dan pintu di tempat beliau duduk dibuka oleh seseorang yang berteriak "polis", beliau tidak sempat hendak menengok benda itu dengan jelas.

Saya menerima penerangan yang diberikan oleh tertuduh kedua yang menyatakan bahawa beliau telah meminjam kereta kawannya untuk balik ke bilik sewanya untuk mandi dan bertukar pakaian, sebelum beliau dan tertuduh pertama pergi ke Pub Bonanza di Wisma Lim Foo Yong untuk minum arak dan beliau menyatakan bahawa beliau tidak nampak dan tidak tahu akan

kehadiran bungkusan berisi heroin tersebut di dalam kereta yang dipinjam-pandunya itu. Dan penerangannya itu adalah selari dengan apa yang dikatakannya dalam pernyataan beramarannya yang telah dirakam oleh Insp. Lai Joo Wah (SB3) dan dijadikan barang kes dan ditandakan D16.

Adalah kewajipan pihak pendakwa untuk membuktikan tuduhan terhadap kedua-dua orang tertuduh itu hingga tidak ada keraguan yang munasabah. Bukti sesuatu kes terhadap seseorang tertuduh bergantung bukannya kepada ketiadaan atau kelemahan penjelasan yang diberikan oleh seseorang tertuduh itu tetapi adalah bersandarkan ke atas keterangan positif yang mengesahkan kebersalahan seseorang tertuduh yang dikemukakan oleh pihak pendakwa. Dan beban bukti itu berada di bahu pihak pendakwa di sepanjang perbicaraan. Dalam kes ini pihak pendakwa telah gagal membuktikan kesnya hingga tidak ada was-was yang munasabah.

Oleh hal yang demikian saya mendapati kedua-dua orang tertuduh tersebut tidak bersalah dan membebas dan melepaskan mereka.

Also found at [1991] 2 CLJ 924